



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

**BIL. 41 / 2019**

### **SPR NAFI MELEWATKAN PENETAPAN TARIKH PENAMAAN CALON DAN HARI MENGUNDI PRK DUN N.27 RANTAU**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memandang serius dakwaan Dato' Seri Utama Hj Mohamed Bin Hasan, yang merupakan salah seorang calon di PRK DUN N.27 Rantau sepertimana yang dilaporkan oleh pihak media. Beliau dilaporkan mendakwa bahawa SPR melewati hari penamaan calon untuk mengurangkan momentum kemenangan Barisan Nasional di Pilihan Raya Kecil Cameron Highlands dan Semenyih.
2. SPR menafikan dengan sekeras-kerasnya dakwaan tersebut. Sebagai sebuah Institusi Perlembagaan yang mana ahli-ahlinya telah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, SPR sentiasa menunaikan tanggungjawab dan amanahnya dengan profesional serta tidak menyebelahi mana-mana pihak di dalam mana-mana pilihan raya.
3. Sebagai makluman SPR telah menerima perakuan dari Pejabat Pendaftar Mahkamah Persekutuan mengenai pembatalan keputusan pilihan raya DUN Rantau pada 26 Februari 2019.
4. Selaras dengan **Perkara LVI(5) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan**, SPR dikehendaki mengisi kekosongan kerusi terbabit dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan tersebut berlaku. Jangkamasa 60 hari itu akan berakhir pada 26 April 2019.
5. Bagi menguruskan penjalanan pilihan raya, SPR dikehendaki mengeluarkan writ Pilihan Raya **tidak kurang 4 hari dan tidak lebih 10 hari** dari tarikh kekosongan yang disahkan oleh SPR selaras dengan **Seksyen 12 Akta Pilihan Raya 1958**.
6. SPR dalam perkara ini telah mengambil kira semua jangkamasa yang ditetapkan oleh perundangan dan telah membuat Mesyuarat Khas pada 6 Mac 2019 bagi menetapkan tarikh-tarikh penting Pilihan Raya

tersebut. Dalam masa yang sama, SPR juga membuat persiapan bagi menghadapi Pilihan Raya Kecil DUN N.24 Semenyih yang telah diadakan pada 2 Mac 2019.

7. SPR ingin menekankan bahawa semua peruntukan undang-undang telah dipatuhi oleh SPR. Tarikh-tarikh penting bagi PRK DUN N.27 Rantau ditetapkan mengikut kesesuaian setelah mengambil kira semua faktor yang berkenaan. SPR ingin memberi jaminan bahawa semua tindakan SPR tidak dipengaruhi oleh mana-mana parti politik ataupun kecenderungan fahaman politik.

Sekian, terima kasih

**AZHAR AZIZAN HARUN**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 1 April 2019 / 25 Rejab 1440H